

# Vietnam

## simpan suka duka

B11+ 1/7/12  
MSH

» **Kesan peperangan**  
menentang Amerika Syarikat  
jadi tarikan pelancong

Oleh Minarni Mat Saad  
minarni@bharian.com.my



## Terowong Cu Chi

© **Terletak 70** kilometer atau sejam perjalanan dari bandar Ho Chi Minh.

© **Terowong bawah tanah** sepanjang 250 kilometer.

© **Dibina oleh** gerila Vietkong ketika peperangan menentang tentera Amerika dari 1959 hingga 1975.

© **Menghubungkan lokasi** bawah tanah yang menempatkan sekolah, pusat perubatan, dewan bermesyuarat dan tempat menyimpan senjata.

© **Dikelilingi pelbagai** bentuk jerangkap samar seperti buluh runcing dalam tanah yang cukup digeruni tentera Amerika.

© **Reka bentuk** di bawahnya bagaikan sarang labah-labah dengan binaan tiga tingkat.

© **Tingkat paling bawah** adalah laluan lepas lari ke Sungai Saigon.

© **Dibina tanpa** sebarang peralatan canggih sebaliknya menggunakan cangkul dan pisau kayu untuk menggali lubang.

**S**ebut Vietnam, apa yang terlintas di fikiran ialah perang. Vietnam memang melalui sejarah peperangan yang panjang dengan Amerika sehingga mengorbankan banyak nyawa serta meninggalkan ribuan kisah duka rakyatnya.

Menentang kuasa besar sehebat Amerika bukan mudah bagi sebuah negara kecil seperti Vietnam, dengan segala kekurangan hanya berbekalkan kudrat dan semangat juang mereka menentang Amerika yang dilengkapi peralatan ketenteraan canggih.

Kita juga disogokkan dengan banyak filem perang mengaitkan tentera Amerika yang menggambarkan Amerika memenangi perang itu. Salah satu filem popular Vietnam yang sangat popular ialah *Rambo* dibintangi Silvester Stallone.

Dengan hanya berbekalkan senjata automatik AK47 dan sebuah pisau, Rambo mengatasi ribuan peluru yang menghujani beliau, mengharungi gerila Vietkong seorang diri hingga berjaya menyelamatkan diri. Hebat bukan.

Bagi penulis dan mungkin juga kepada pelancong, tentera Amerika tidaklah sehebat mana kerana seperti sudah kita maklum mereka memiliki segala keupayaan untuk berperang berbanding tentera Vietkong.

Berada di Terowong Cu Chi (yang disebut Shu Chi) menyedarkan kita bahawa semangat dan perjuangan rakyat Vietnam yang tinggi mampu mengatasi senjata dan peralatan perang canggih dimiliki Amerika.



*Lubang tikus tempat persembunyian hanya mampu dimasuki mereka yang berbadan kurus.*

Peluang berkunjung ke Ho Chi Minh City yang dulunya dikenali Saigon bersama lebih 600 pengedar Hai-O Marketing yang berjaya mencapai sasaran jualan tahunan ditetapkan syarikat membolehkan kami menghayati semangat juang rakyat Vietnam. Demi sebuah kemerdekaan, mereka tabah mengharungi perang yang panjang.


Berada di Terowong Cu Chi bagaikan menyingkap kembali memori hitam generasi Vietkong yang masih wujud sehingga hari ini apabila melihat tinggalan kisah perit rakyat negara itu menghadapi peperangan dengan kuasa besar dunia.

Bagi menyelami suasana di zaman perang Vietnam, pengunjung dipelawa masuk dalam lubang yang hanya muat-muat tubuh kita. Sebaik melepasi

lubang itu siapa yang mahu menguji ketahanan diri boleh merangkak dalam terowong yang sangat sempit dan panas untuk tiba di ruang lebih besar.

Pembinaan terowong itu juga sangat teliti kerana sukar dikesan tentera Amerika walaupun mereka berjalan di atasnya. Anda boleh juga merasai makanan ubi kayu rebus dicicah kacang tumbuk yang pernah mengisi perut pejuang Vietkong dan mencuba kemahiran menembak di lapang sasaran.

Selain destinasi bersejarah itu, kita juga boleh melawat War Remnants Museum dikenali sebagai pusat pameran jenayah perang Amerika. Di sini, pengunjung melalui pengalaman menyentuh perasaan melihat pelbagai artifak seperti bom dan senjata api serta gambar kekejaman tentera Amerika





Pasar Ben Thanh

B/H 11/12 MS 5.

terhadap penduduk awam sewaktu perang Vietnam.

Gambar yang dipamerkan menceritakan keperitan hidup penduduk awam disiksa dengan kejam di luar perikemanusiaan. Walaupun selepas 23 tahun perang berakhir, kesannya masih dirasakan rakyat Vietnam hingga ke hari ini. Ramai yang menderita, ada yang cacat, anak-anak menjadi yatim piatu, kehilangan isteri, suami, anak dan saudara.

Itu cerita duka. Sebaliknya kisah gembira di Vietnam juga ada. Tidak sah berkunjung ke Vietnam jika tidak membeli-belah sepuas hati. Tempat membeli-belah paling popular ialah pasar Ben Thanh. Pasar ini ditutup jam 6 petang. Tetapi jangan risau kerana boleh disambung pada

mata dengan pelbagai produk berkualiti dan cantik tetapi harganya murah. Bayangkan, siapa yang tidak kelabu mata apabila melihat baju kurung siap disulam manik dan labuci yang sangat kemas jahitannya.

Begitu juga kasut, kain ela, telekung, cenderahati semuanya boleh dibeli dengan murah asalkan pandai menawar. Telekung Vietnam menjadi kegemaran ramai kerana selain bunganya yang cantik dan bercorak eksklusif, kainnya diperbuat daripada kapas sutera yang berkualiti, lembut dan selesa apabila memakainya.

Mencari makanan halal tidak susah di Vietnam banyak restoran Muslim dibuka, termasuk yang

dimiliki rakyat Malaysia manakala pekerja kebanyakannya adalah orang Islam dari Kemboja.

Malah, Hotel Equatorial tempat kami menginap turut menyediakan makanan halal. Apatah lagi tukang masakannya pula berasal dari Kangar, Perlis iaitu Chef Vincent.

Kira-kira lima minit berjalan dari Hotel Equatorial kami menikmati makan tengahari di Restoran Seri Penang yang dimiliki anak jati Pulau Pinang. Kami juga menikmati makan malam di Restoran D'Nyonya yang menyediakan masakan ala Melaka serta ke Restoran Shamsudin di Le Hong Phong Street yang membuatkan kami makan dengan penuh berselera kerana masakannya seperti di Malaysia.

## BOARDING PASS



## Panduan Melancong

**Sesiapa** saja pasti teruja untuk pergi bercuti sama ada di dalam atau luar negara. Namun, sebelum memulakan percutian atau kembara beberapa perkara perlu diberikan perhatian.

Berikut dikemukakan beberapa tip berguna yang boleh dipraktikkan sebelum pergi bercuti;

malam hari apabila pasar malam pula dibuka bersebelahan pasar Ben Thanh itu.

Membeli-belah di pasar Ben Thanh juga selesai kerana di sini lebih tersusun sama ada kedudukan gerai dan pintu masuk luas dari pelbagai arah. Lluhan lorong juga lebar dan tidak membuatkan kita merasa sesak nafas.

Menariknya, peniaga di sini menyediakan khidmat menjahit baju pelbagai fesyen. Malah, mereka menyediakan banyak album pelbagai fesyen yang diambil daripada majalah di Malaysia.

Pasar malam ini memang membuatkan pengunjung rambang



Muzium Perang Vietnam



Wakil pengedar Hai-O Marketing berpeluang menerokai suasana zaman perang di Chu Chi Tunnel.

**1 Rancang percutian** dengan mengetahui serba sedikit mengenai lokasi yang bakal dikunjungi. Jika mahu keluar negara antara yang perlu di ambil kira adalah maklumat nilai tukaran wang, waktu dunia, cuaca dan tidak kurang penting jarak ke destinasi yang ingin dituju.

**2 Selain itu,** ketahui juga maklumat berkaitan undang-undang atau peraturan yang perlu di patuhi atau barang yang boleh dan tidak boleh di bawa masuk ke negara atau tempat yang dikunjungi. Misalnya, jika ke Australia, biasanya makanan dalam tin dan berbungkus seperti mi segera mahupun sardin tidak dibenarkan di bawa masuk begitu juga biji benih atau tumbuhan.

**3 Pastikan juga** cuaca dan iklim tempat dikunjungi untuk memastikan pakaian yang dibawa bersesuaian. Jika ke negara empat musim, perlu tahu pakaian yang sesuai dan suhu pada waktu malam dan siang kerana jika pada musim sejuk kemungkinan perlu membawa baju panas atau pakaian lebih tebal, begitu juga pada musim panas, pakaian biasanya lebih nipis atau musim hujan, perlu disediakan baju hujan atau jaket sampingan. Jika

menggunakan khidmat syarikat pemandu pelancong, dapatkan maklumat daripada mereka.

**4 Elak membawa** terlalu banyak barang sehingga beg terlebih muatan. Justeru, rancang dengan teliti jumlah barang yang mahu dan susun dengan cara yang praktikal. Ketika meletakkan pakaian dalam beg, gulung terlebih dulu pakaian itu. Selain dapat menjimatkan ruang, pakaian yang digulung juga dapat mengurangkan kedut pada baju anda.

**5 Sediakan wang** secukupnya. Justeru, teliti juga sama ada tempat yang dikunjungi menerima kad kredit atau cek kembara.

**6 Jika bercuti** sendirian tanpa bantuan juru pandu atau pemandu pelancong, dapatkan peta kerana ia akan membantu anda dalam banyak perkara. Sebaiknya belilah buku pengembaraan yang mengandungi peta, nombor telefon dan alamat destinasi.

**7 Bahasa juga** penting. Jika ingin melancong dalam dan luar negara belajarlah memahami asas bahasa dan dialek setempat. Selain memudahkan komunikasi ia juga membantu untuk mendapatkan harga diskaun bagi barang yang dibeli.